



**NOTIS SEBUT HARGA
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PORT DICKSON
(BAHAGIAN PEMBANGUNAN)**

Tarikh : 28 Mei 2024
Rujukan : PDPD.400-10/2Jilid.5(29)

Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor G1 adalah dipelawa untuk memasuki sebut harga berikut:

BIL	NO SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	GRED / KATEGORI / PENGKUSUSAN	TARIKH TAKLIMAT SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
1.	14/2024	Kerja-Kerja Menyenggara Longkang Serta Lain Kerja Berkaitan (Fasa 2) Di Kg. Bagan Pinang Dalam, Dun Bagan Pinang Port Dickson	Gred: G1 Kod Bidang: CE21 Harga Borang: RM30.00	10 Jun 2024 (Isnin) <u>Masa Pendaftaran:</u> 2.00 petang hingga 3.00 petang	24 Jun 2024 (Isnin) 12.00 tengah hari Aras 1, Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah Port Dickson
2.	15/2024	Kerja-Kerja Menaiktaraf Balairaya Kg Telok Pelandok Di Homestay D'Pelandok Best Serta Lain Kerja Berkaitan Daerah Port Dickson	Gred: G1 Kod Bidang: B04 & CE21 Harga Borang: RM50.00	<u>Taklimat:</u> 3.00 petang <u>Tempat:</u> Aras 1, Ruang Legar Auditorium, Pejabat Daerah Port Dickson	

2. Kontraktor yang ingin menyertai sebut harga **DIWAJIBKAN UNTUK MENGHADIRI TAKLIMAT DAN HADIR LAWATAN TAPAK**. Kontraktor yang **GAGAL** menghadiri taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk membeli borang sebut harga. Hanya kontraktor yang mempunyai kod bidang seperti dalam jadual sahaja dibenarkan masuk untuk mendengar taklimat dan hadir ke lawatan tapak. Sekiranya pihak kontraktor tidak mempunyai kod bidang seperti yang dinyatakan, pihak kontraktor dikehendaki mendapatkan dan membawa slip kebenaran khas daripada CIDB semasa pendaftaran. Kontraktor **DIWAJIBKAN** membawa **kad pengenalan (asal) sebagai bukti pemilik syarikat**. Wakil adalah **tidak dibenarkan**.

3. Sila bawa bersama Sijil Pengesahan Pendaftaran sebagai Kontraktor daripada **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)-Taraf Bumiputera, CIDB (Perakuan Pendaftaran), CIDB - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Cop Syarikat.** Semua sijil pendaftaran hendaklah berkuatkuasa sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN DARI TARIKH TUTUP TAWARAN SEBUT HARGA.**
4. Dokumen sebut harga boleh didapati di Aras 1, Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah Port Dickson pada ketetapan tarikh dan masa seperti berikut:

Tarikh	Hari	Masa	Catatan
11 Jun - 24 Jun 2024	Isnin – Khamis	9.00 pagi – 1.00 petang	Kontraktor atau wakil <u>DIWAJIBKAN</u> membawa slip pendaftaran yang telah diberikan semasa sesi taklimat sebut harga untuk membolehkan membeli borang sebut harga.
	Jumaat	9.00 pagi – 12.00 tengah hari	
WAKTU KAUNTER JUALAN SEBUT HARGA DITUTUP PADA : Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am Negeri Sembilan			

5. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Aras 1, Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson sebelum jam **12.00 tengahari pada 24 Jun 2024 (Isnin).**
6. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau mana-mana sebut harga.
7. Kerajaan Negeri berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan. Sebarang kos terpaksa ditanggung oleh pihak kontraktor kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sendiri.
8. Kerajaan Negeri berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga.

(NURHAZELIN BINTI MAKLI)
Pegawai Daerah
Port Dickson



Tarikh : 28 Mei 2024